

Pelajar tak endah sejarah mudah diseleweng fakta

Oleh Noor Mohamad
Shakil Hameed

MUTAKHIR ini, isu berkaitan sejarah negara mula menarik perhatian dan minat khalayak apabila ada pihak tertentu yang cuba memutar-belit dan mengemukakan fakta mengelirukan berkaitan sejarah negara mengikut tafsiran masing-masing.

Mereka mungkin melakukan ini untuk kepentingan mereka, di samping ada yang mengemukakan fakta baru mengenai sejarah negara kita.

Kupasan mengenai sesuatu fakta mengikut persepsi sendiri demi menyokong ideologi tertentu menyebabkan fakta sebenar semakin tenggelam dan cuba dilenyapkan. Akibatnya rakyat terutama generasi muda yang tidak melalui zaman kemerdekaan dan pembentukan negara semakin keliru dan tidak mampu menepis mahu pun membezakan antara fakta yang betul dan salah.

Lebih malang lagi apabila kita hanya bergantung harap pada buku sejarah diajar di sekolah semata-mata bagi mengajar anak kita mengenai sejarah negara ini. Ini menyebabkan hanya pelajar minat membaca dan menghafal mampu mempelajari dan memahami sejarah negara dengan betul dan membawanya bersama sehingga ke alam dewasa.

Sebaliknya, kebanyakan pelajar sekarang tidak begitu berminat mempelajari mata pelajaran berbentuk fakta dan banyak membaca.

Antara isu berkaitan sejarah negara yang mula mencetuskan polemik dan kekeliruan di kalangan masyarakat mutakhir ini ialah berkaitan sejarah kemerdekaan negara membabitkan penafian terhadap kekejaman komunis dan kehebatan pahlawan negara, persoalan mengenai pembentukan kontrak sosial oleh pemimpin politik dan pejuang kemerdekaan daripada pelbagai kaum yang sanggup berkorban untuk masa depan negara, status penjajahan Tanah Melayu, polemik kewujudan Hang Tuah serta cabaran terhadap kandungan perlumbagaan negara.

Ini antara perkara dan peristiwa penting membabitkan sejarah kemerdekaan dan pembentukan negara kita. Bagi generasi hari ini, mereka tidak berpeluang meniti zaman yang penuh mencabar itu, sebaliknya hanya mampu membaca dan mengetahuinya melalui bahan bacaan seperti buku sejarah di samping melalui mata pelajaran sejarah diwajibkan di sekolah.

Sejauh mana generasi muda sekarang berminat dengan sejarah negara, ini satu persoalan subjektif dan sukar digambarkan. Malah, jika pada hari ini kita membuat kajian terhadap sekumpulan anak muda zaman ini untuk

menguji kecerdikan mereka mengenai sejarah negara, pastinya ia lebih menjurus kepada rumusan mengelirukan dan membimbangkan kita.

Saya berani menyatakan kebanyakannya anak muda sekarang langsung tidak mengetahui fakta dan peristiwa penting membabitkan sejarah negara seperti nama pejuang kemerdekaan.

Misalnya, masih ada yang tidak tahu siapa Tunku Abdul Rahman, tidak tahu tarikh penting seperti bila Tanah Melayu diserang Jepun, kejadian berdarah Bukit Kepong serta tahap kezaliman komunis yang cukup menggerikan.

Mereka bukan saja tidak tahu, malah mereka juga tidak mahu mengambil tahu atas alasan tidak perlu dan tidak membawa apa-apa manfaat kepada mereka. Jelas mereka masih tidak memahami kepentingan untuk menghayati sejarah negara sendiri.

Mereka lebih berminat untuk menumpukan perhatian kepada masa depan kerjaya, keluarga dan kewangan berbanding masa depan negara kita. Satu perkara yang mereka lupa ialah segala perancangan masa depan mereka itu akan hancur dan musnah andai masa depan negara tidak terus dipelihara.

Akibatnya juga mereka mudah leka dan tidak kisah mahupun peduli andai fakta penting sejarah negara diputar belit pihak tertentu. Malah lebih malang lagi akibat kecetekan ilmu mengenai sejarah negara mereka mudah terpengaruh dan terus mempercayai penyelewengan fakta terbabit.

Generasi muda ini belum melihat subjek sejarah sebagai suatu ilmu penting kepada mereka. Persepsi bahaya ini perlu dibendung dan diatasi dengan segera demi membentuk generasi masa depan yang mampu mempertahankan tanah air kelak.

Dalam hal ini kita sangat setuju dengan pandangan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim yang menekankan pengajaran sejarah di sekolah amat penting agar fakta dan naratif sejarah yang betul disebar dan diajar tanpa prasangka atau putarbelit luaran.

Penekanan sememangnya wajar diberikan pada peringkat sekolah. Kita tidak mahu mereka hanya membaca dan menghafal untuk lulus peperiksaan semata-mata dan akhirnya akan lupa dengan segera segala apa dihafal sejurus selepas peperiksaan tamat.

Apa yang penting ialah tahap penghayatan mereka yang diharap berkekalan selama-lamanya dalam sanubari mereka yang kemudian diharapkan dapat diperturunkan kepada generasi selepas merdeka.



*Malah lebih
malang lagi akibat
kecetekan ilmu
mengenai sejarah
negara mereka
mudah
terpengaruh dan
terus mempercayai
penyelewengan
fakta terbabit*

99